

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN NO. 495

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

- (a) apakah statistik pemasangan Unifi di kawasan Parlimen Bukit Bendera dan senaraikan tempat-tempat yang telah diliputi oleh Unifi Roll-Out Plan; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk melipat-gandakan pencapaian jalur lebar di kawasan Parlimen Bukit Bendera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan bagi menambah liputan perkhidmatan Unifi adalah dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut perancangan dan kajian yang telah diadakan. Sehingga penghujung bulan Disember 2018, Telekom Malaysia Berhad (TM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menaiktaraf perkhidmatan telekomunikasi sedia ada kepada perkhidmatan internet jalur lebar Unifi di seluruh Pulau Pinang. Bagi kawasan Parlimen Bukit Bendera, sehingga kini terdapat 8,972 sambungan perkhidmatan Unifi telah tersedia di kawasan Parlimen ini. Jumlah sambungan yang telah dilanggi adalah sebanyak 2,370 dengan baki kekosongan sambungan yang masih boleh dilanggi berjumlah 6,602 sambungan

2. Kerajaan sentiasa berusaha melipat gandakan pencapaian jalur lebar di kawasan Parlimen Bukit Bendera melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) dan Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Sehingga kini, sebanyak 8,464 sambungan melibatkan 2 ibusawat telah tersedia di bawah projek HSBB2 dan SUBB bagi menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Parlimen Bukit Bendera. Manakala sebanyak 104 sambungan dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019. Di samping itu, sebanyak 13 menara telah dibangunkan secara komersial oleh syarikat pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di Parlimen Bukit Bendera.